

BAB SATU

PENGENALAN

Latar Belakang

Ejaan jawi adalah warisan khazanah bangsa Melayu yang sangat berharga. Ejaan jawi telah memainkan peranan penting dalam perkembangan ilmu dan kebudayaan bangsa Melayu. Berbagai bidang ilmu terutama agama Islam, kesusasteraan, sejarah dan perubatan telah ditulis dalam bahasa Melayu dalam tulisan jawi.

Ejaan jawi di Tanah Melayu adalah berasal daripada huruf Arab. Ismail Hamid (1983) menerangkan bahawa ejaan jawi telah diperkenalkan dan disebarluaskan oleh pedagang-pedagang yang mengembangkan Islam di nusantara ini khasnya di Tanah Melayu.

Batu bersurat yang ditemui di Terengganu bertarikh pada hari Jumaat 4 Rejab 702 Hijirah bersamaan 22 Februari 1303 Masihi (S.M.N. Al Attas, 1970) menunjukkan bahawa tulisan jawi telah digunakan sebelum tahun 1303M lagi dan sehingga hari ini tulisan jawi masih terus digunakan.

Idros Shamsudin (1986) menyatakan:

Menjelang abad Masihi ke 20, penggunaan tulisan jawi sebagai alat perakam karya-karya persuratan Melayu sudah meliputi suatu lingkungan yang sangat luas. Bukan itu sahaja malah tulisan jawi telah digunakan dalam semua bidang kehidupan pada masa itu. Yang paling menonjol ialah penggunaan tulisan jawi di dalam surat-surat antara negeri-negeri Melayu dengan pihak

Inggeris. . . . Keagungan tulisan jawi beransur-ansur kurang penting tahun demi tahun apabila kerajaan lebih memberikan penekanan kepada penggunaan tulisan rumi. Akhirnya generasi sekarang banyak yang tidak memahami tulisan jawi lagi.

Jadi sejarah jelas menunjukkan bahawa tulisan jawi yang diperkenalkan semenjak kurun ke-14 itu telah bertapak kukuh di Tanah Melayu. Pengaruhnya juga begitu meluas dalam perkembangan Bahasa Melayu. Tetapi sejak sistem Ejaan Rumi diperkenalkan untuk menulis bahasa Melayu pada awal kurun ke 20, dan digunakan dalam sistem pendidikan di Tanah Melayu, kedudukan tulisan jawi mula mendapat persaingan. Taraf pengaruh dan penggunaan ejaan jawi telah mula merosot apabila Sekolah Kebangsaan yang dicadangkan oleh Penyata Razak (1956) menggunakan lebih banyak tulisan rumi daripada tulisan jawi.

Selepas kemerdekaan sistem pendidikan di Malaysia telah melalui beberapa perubahan. Bahasa Malaysia telah dijadikan bahasa pengantar utama di sekolah seluruh Malaysia. Tulisan jawi tidak dijadikan mata pelajaran yang berasingan tetapi diajarkan kepada pelajar-pelajar di peringkat rendah dan menengah sebagai sebahagian daripada aspek bahasa yang sama tarafnya seperti tatabahasa, peribahasa, bacaan, kefahaman, puisi, surat kiriman dan karangan (Sukatan Pelajaran Sekolah Rendah 1983).

Perisytiharan Akta Bahasa Kebangsaan pada tahun 1963 yang menetapkan Bahasa Melayu ditulis dengan tulisan rumi telah mengakibatkan tulisan jawi hilang kedudukannya dalam bidang pendidikan. Keadaan ini bertambah buruk apabila Akta 63/67 dikuatkuasakan mulai 1hb Julai 1971. Walaupun akta

tersebut tidak memutuskan supaya tulisan jawi dihapuskan tetapi salah anggapan telah berlaku. Akibatnya tulisan jawi terabai dan hampir-hampir pupus.

Pengabaian tulisan jawi dalam pendidikan berterusan sehingga Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) mula dilaksanakan pada tahun 1982 bagi menggantikan Kurikulum Lama Sekolah Rendah. Dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah, tulisan jawi telah diberi tempat semula dalam bidang pendidikan. Menurut perancangan awal KBSR, Pelajaran Jawi disarankan supaya diajar sebagai sebahagian daripada pelajaran Bahasa Malaysia. Walau bagaimanapun rancangan ini tidak dilaksanakan dan Jawi diajar dalam Pelajaran Pendidikan Islam.

Pelajaran Jawi diajar secara formal dalam mata pelajaran Pendidikan Agama Islam kepada pelajar Tahun Tiga hingga Tahun Enam. Masa yang diperuntukkan hanya 30 minit seminggu bagi Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Kebangsaan. Manakala bagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil pula, Tulisan Jawi diajar secara sisipan sahaja dalam mata pelajaran Agama Islam. (Sukatan Pelajaran Agama Islam Sekolah Rendah, Kementerian Pendidikan Malaysia 1982).

Sungguhpun Pelajaran Jawi diajar secara formal dalam Pendidikan Agama Islam Tahun Tiga tetapi kemerosotan penguasaan kemahiran membaca dan menulis dalam huruf jawi di kalangan murid-murid masih berterusan. Golongan yang prihatin dengan perkembangan dan kemajuan Sistem Ejaan Jawi telah menyuarakan rasa kebimbangan mereka terhadap pengabaian Sistem Ejaan Jawi ini dalam akhbar-akhbar, seminar dan konvensyen.

Susulan daripada resolusi-resolusi Konvensyen Tulisan Jawi yang telah diadakan pada 8 hingga 11 April di

Terengganu dan gesaan daripada orang ramai yang mahukan ejaan jawi terus dipelihara supaya tidak pupus, Tan Sri Murad Muhamad Noor (1984) Ketua Pengarah Pelajaran ketika itu telah mengumumkan bahawa tulisan jawi akan diwajibkan dalam mata pelajaran Agama Islam di sekolah-sekolah di seluruh negara mulai 1985.

(Utusan Melayu, 7 Nov. 1984)

Pengumuman Kementerian Pelajaran tersebut telah dialu-alukan oleh berbagai pihak yang prihatin dengan kepentingan menjaga ejaan jawi.

Dato' Mohd Noor Ahmad bekas Yang Di Pertua Agung Kesatuan Persekutuan Guru-guru Melayu Semenanjung menganggap langkah kerajaan menggunakan tulisan jawi sepenuhnya dalam pengajaran dan pembelajaran Agama Islam sebagai sangat tepat pada masanya.

(Utusan Malaysia, 22 Nov. 1984)

Sungguhpun Kementerian Pelajaran telah melaksanakan tulisan jawi sebagai mata pelajaran wajib tetapi pelaksanaannya kurang berkesan kerana ianya hanya mula diwajibkan apabila murid-murid berada di Tahun Tiga. Tambahan pula Tulisan Jawi tidak mempunyai peruntukan jadual waktu dan hanya menumpang dalam jadual waktu mata pelajaran Agama Islam (Buku Panduan Pendidikan Agama Islam Pengajaran Jawi Sekolah Rendah Tahap Satu, PPK 1991).

Berikutnya dari keadaan ini pihak yang ingin meningkatkan perkembangan

dan penguasaan kemahiran jawi di kalangan generasi muda telah menggesa Kementerian Pendidikan supaya mengambil tindakan yang lebih serius terhadap pelaksanaan Pengajaran Jawi di sekolah-sekolah.

Pandangan dan gesaan dari berbagai pihak telah diambil perhatian oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Dr. Leo Michael Toyad, Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia telah menegaskan bahawa:

Untuk mengurangi masalah tersebut Kementerian akan memberi keutamaan kepada pelajaran asuhan membaca Al Quran dan pelajaran Jawi di sekolah-sekolah melalui KBSR. Untuk kemahiran tulisan dan bacaan jawi pula buku-buku jawi dan guru agama mengajar dengan menggunakan tulisan jawi.

(Berita Harian, 26 Nov. 1987)

Menurut Ketua Unit PPK dalam Mesyuarat Penyelarasan Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) pada bulan Julai (1990) pembelajaran Tulisan Jawi yang telah dilaksanakan di sekolah-sekolah rendah seluruh negara berada pada tahap yang rendah di samping ianya telah banyak memberi kesan ke atas kemerosotan pelajar dalam ujian tahunan mereka. Berikutan tinjauan tersebut, maka pihak PPK telah mengambil langkah inisiatif yang positif untuk mengatasi masalah tersebut. Sukatan yang baru dibuat ini mengandungi matlamat untuk melahirkan pelajar-pelajar yang mahir dalam aspek-aspek pembacaan dan penulisan jawi sahaja.

Mulai Disember 1990, Pelajaran Jawi telah mula diajar sejak tahun satu lagi. Ianya dimasukkan ke dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dengan mengambil masa 30 minit seminggu dari mata pelajaran tersebut. Perubahan ini dibuat

kerana memandangkan masih ramai pelajar Tahun Tiga dan Tahun Enam yang tidak boleh membaca jawi dengan baik di samping kesuntukan masa mata pelajaran tersebut. (PPK, Surat Pekeliling KP (PPK) 016/24 Jilid V (88) 6 Nov. 1990).

Keputusan ini dengan sendirinya memansuhkan amalan sebelumnya yang menyatakan Pelajaran Jawi hanya mula diajar pada Tahun Tiga.

Pelajaran Jawi KBSR yang sedang dilaksanakan sekarang merupakan satu program untuk mengajar murid Sekolah Rendah kemahiran membaca dan menulis jawi. Bagi memenuhi kehendak ini Pusat Pekembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan Buku Panduan Khas Tulisan Jawi KBSR Tahap Satu(1991) bagi memberi panduan kepada guru-guru melaksanakan pengajaran jawi. Buku panduan ini menerangkan tentang objektif, isi kandungan pengajaran kemahiran dan alat yang boleh digunakan dalam pengajaran jawi.

Pernyataan Masalah

Semenjak Disember 1990, murid-murid telah berpeluang mempelajari pelajaran Jawi ketika mula masuk ke Tahun Satu lagi. Implikasi dari pelaksanaan tersebut murid-murid diharapkan boleh menguasai kemahiran membaca dan menulis jawi dengan baik seperti mereka boleh membaca dan menulis rumi dengan baik. Tetapi kenyataannya tidak seperti yang diharapkan.

Hasil mesyuarat, perbincangan, pengamatan dan penyelidikan oleh pegawai-pegawai di Bahagian Pendidikan Islam, Che Pee' Saad (1993), pegawai Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia melaporkan bahawa sebahagian pelajar tidak menguasai bacaan dan tulisan jawi dengan baik pada peringkat KBSR.

Rahmat bin Mohd. Noh (1993) Pegawai Pendidikan Daerah Kuala Muda/Yan, Kedah menyatakan ramai murid-murid Melayu yang tamat Tahun Enam Sekolah Rendah masih tidak dapat membaca jawi. Beliau menegaskan keadaan ini adalah disebabkan proses pengajaran dan pembelajaran yang lemah dan tidak mengikut kaedah yang sesuai.

Abdul Razak Hamid (1979) berpendapat kelemahan dari segi pendekatan, teknik dan kaedah pengajaran ini ada kaitannya dengan guru-guru Pendidikan Islam yang mengajar Jawi kerana selain tidak pernah mendapat latihan guru-guru ini juga menggunakan cara dan kaedah mereka sendiri. Selalunya kaedah itu bercanggah dengan prinsip pelajaran Bahasa dan Jawi. Kesannya sudah pasti murid sukar untuk menguasai mata pelajaran Jawi dengan mudah.

Dapatan kajian Ishak Mohd Shah (1991) mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara kaedah pengajaran Jawi dengan pencapaian penguasaan jawi murid-murid. Beliau juga menyatakan masalah yang serius timbul dalam pengajaran Jawi adalah aspek kaedah iaitu persoalan yang berhubung dengan cara mengajar. Kebanyakan guru yang mengajar Jawi tidak mempunyai pendekatan kaedah dan teknik yang baik.

Kang Kyoung Seok (1993) seorang pengkaji tulisan jawi dari University of Foreign Studies, Korea Selatan telah mencadangkan supaya difikirkan satu cara atau kaedah yang senang untuk mempelajari Jawi bagi menjamin masa depan yang cemerlang bagi tulisan jawi.

Mohammad Ali bin Yusof (1991) dalam Buku Panduan Penyeliaan Pendidikan Sekolah Rendah Islam, Jemaah Nazir Persekutuan Bahagian Pendidikan Islam menyarankan supaya guru-guru khususnya guru Pendidikan Islam mengantikan kaedah lama dengan kaedah baru yang lebih berkesan jika keadaan memerlukan supaya objektif pengajaran-pembelajaran dapat dicapai

secara menyeluruh. Beliau juga menggalakkan guru-guru Pendidikan Islam mempelbagaikan kaedah dan teknik pengajaran yang sesuai dengan situasi dan kemampuan murid dan jangan terikat dengan hanya satu kaedah sahaja.

Keadaan ini mendorongkan penyelidik untuk mencuba satu pendekatan atau kaedah lain dalam mempelajari Bacaan Jawi. Kaedah tersebut ialah Kaedah Gabungan Bunyi Kata Dengan Bantuan Huruf Rumi yang digubal oleh Prof. Isahak Haron. Kaedah ini diharapkan dapat menjadi satu kaedah alternatif untuk guru-guru mengajar Bacaan Jawi dengan cara yang lebih mudah dan cepat.

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat kemajuan murid-murid mempelajari Bacaan Jawi menggunakan Kaedah Gabungan Bunyi Kata Dengan Bantuan Huruf Rumi.

Soalan Kajian

Kajian ini akan berpandukan dua soalan;

1. Bagaimakah proses pengajaran Bacaan Jawi menggunakan Kaedah Gabungan Bunyi Kata Berbantuan Huruf Rumi dijalankan?.
2. Bagaimakah kemajuan murid dalam menguasai kemahiran membaca tulisan jawi menggunakan kaedah tersebut?.

Batasan Kajian

Penyelidik hanya melihat bagaimana proses pengajaran Bacaan Jawi menggunakan Kaedah Gabungan Bunyi Kata Dengan Bantuan Huruf Rumi

dijalankan dan tidak membuat perbandingan dengan kaedah-kaedah yang lain. Pengajaran dijalankan oleh penyelidik sendiri.

Penyelidik juga hanya akan melaporkan hasil dan kesan pembelajaran murid dalam mempelajari bacaan Jawi menggunakan Kaedah Gabungan Bunyi Kata Dengan Bantuan Huruf Rumi tanpa membuat perbandingan dengan kesan pembelajaran menggunakan kaedah-kaedah yang lain.

Signifikan Kajian

Jika dapatan kajian ini dapat menunjukkan bahawa proses pengajaran menggunakan Kaedah Gabungan Bunyi Kata Dengan Bantuan Huruf Rumi itu lebih mudah dan cepat dipelajari, maka kaedah ini boleh dijadikan satu alternatif kepada kaedah yang telah sedia ada. Daripada ini diharapkan guru-guru akan menggunakan kaedah ini bagi membantu murid-murid menguasai kemahiran bacaan Jawi dengan cepat dan mudah.

Definisi Istilah

Abjad dan huruf Jawi

Menurut Pedoman Ejaan Jawi, Dewan Bahasa dan Pustaka (1986) tulisan jawi adalah sejenis sistem tulisan yang ditulis dari kanan ke kiri. Sistem tulisan ini tidak mempunyai huruf besar atau huruf kecil. Ia hanya mempunyai perubahan bentuk kepada huruf-huruf apabila ditulis secara tunggal atau berangkai.

Jumlah huruf jawi yang digunakan untuk mengeja dan menulis kata-kata Bahasa Melayu ada 35 semuanya.

Kaedah Gabungan Bunyi Kata

Kaedah ini dicadangkan oleh Prof. Isahak Haron (1979). Kaedah ini memperkenalkan kepada murid-murid beberapa bunyi huruf vokal dan konsonan, terus membunyikan suku kata dan perkataan yang bermakna dalam satu dua pelajaran. Cara ini akan membolehkan kanak-kanak membaca beberapa perkataan dan ayat yang mudah dengan cekap serta faham apa yang dibaca.

Dengan Bantuan Huruf Rumi

Guru akan memperkenalkan huruf jawi dengan kaedah transliterasi huruf rumi kepada huruf jawi. Murid yang akan diajar dengan kaedah ini mestilah telah menguasai kemahiran membaca tulisan rumi.

Contoh transliterasi huruf jawi ke huruf rumi adalah seperti berikut:

Huruf Jawi	Padanan Rumi
ا	a
ب	b
ت	t
ة	(t)
ث	s(th)
ج	j
ح	h(h)

خ	kh
د	d
ذ	z(dh)
ر	r
ز	z
س	s
ش	sy(sh)
ص	s(s)
ض	d(d)
ط	t(t)
ظ	z(z)
ع	a,k(?)
غ	gh
ف	f
ق	k(q)
ك	k
ل	l
م	m
ن	n

و	w
ڙ	v
ڻ	h
ء	k(')
ڦ	y
ڇ	e
ڻ	ng
ڻ	p
ڻ	g
ڻ	ny

Pedoman-pedoman rumi yang diberikan di dalam kurungan ialah pedoman yang digunakan untuk mengeja istilah pinjaman Bahasa Arab.

(Daftar Ejaan Rumi Jawi DBP cetakan 1992)